

Waqaf Felda mampu tingkat ekuiti Bumiputera, inisiatif bantu Keluarga Malaysia

Institusi wakaf lonjak ekonomi – PM

Oleh RASDAN AHMAD

PETALING JAYA – Pelan Induk Wakaf Nasional ialitu sebuah pelan holistik sedang disediakan oleh pihak kerajaan bagi memperkasakan pengurusan wakaf Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, menerusi Bajet 2022 yang dibentangkan sebelum ini, kerajaan telah memperuntukkan dana permulaan sebanyak RM10 juta bagi memulakan inisiatif Wakaf Halal Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Wakaf Pertanian serta Wakaf Bencana.

"Wakaf telah dijadikan sebahagian daripada kerangka Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Fokus Kelima dan Fokus Keenam RMK-12 menggariskan peranan kritikal yang perlu dimalirkkan oleh institusi wakaf dalam mem-

bantu Keluarga Malaysia keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Ia juga selaras dengan usaha kerajaan untuk mempelbagaikan sumber kewangan bagi membaiyai perniagaan dan meningkatkan ekuiti Bumiputera," katanya ketika berucap merasmikan Waqaf Felda di Kuala Lumpur semalam.

Ismail Sabri berkata, institusi wakaf perlu bersama-sama memainkan peranan untuk melonjakkan sosio ekonomi komuniti sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.


Katanya, iltizam ini boleh dicapai melalui Waqaf Felda yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi dengan menggunakan konsep wakaf korporat.

"Objektif penubuhan Waqaf Felda ini adalah bagi menyokong

pembentukan model perniagaan baharu, menyemai benih keberkatan, menyuburkan kebijikan dan sumbangan kepada komuniti serta mengukuhkan kelestarian Felda itu sendiri.

"Usaha ini juga bagi memangkin ekonomi luar bandar melalui kewujudan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang biasanya tidak ditembus oleh syarikat korporat lain dengan objektif lebih terarah kepada memaksimumkan keuntungan," katanya.

Perdana Menteri berkata, Waqaf Felda yang ditubuhkan ini, akan melaburkan semula sebahagian keuntungan pelaburan awal yang disumbangkan oleh Felda dan agensi seperti FGV Holdings Berhad, Koperasi Permodalan Felda dan MSM Holdings Berhad serta agensi berkaitan lain.



ISMAIL SABRI semasa berucap merasmikan Waqaf Felda di Kuala Lumpur semalam.

Media: KOSMO!

Date : 13 November 2021